

LAPORAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA FALAK NEGERI PERAK BIL 1/2017  
PADA 25 JANUARI 2017 (RABU)  
DI JABATAN MUFTI PERAK, IPOH

1. Pada Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Perak Bil 1/2017, yang berlangsung pada 25 Januari 2017 bertempat di Dewan Persidangan, Jabatan Mufti Perak, Ipoh, Perak.

Mesyuarat dihadiri oleh;

1. Tuan Haji Zamri bin Hashim – Timbalan Mufti Negeri Perak
2. Dr Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir – Pensyarah Kolej Komuniti Gerik
3. Mahruzaman bin Misran – Penyelaras Program Kanan, INSTUN
4. Encik Mohamad Faizal bin Jani – Pegawai Hal Ehwal Islam (Falak)

Turut Hadir ;


1. Puan Fatimah bt Ayoub – Urusetia, Jab. Mufti Perak
2. Encik Nor Izwan bin Hamdan - Urusetia, Jab. Mufti Perak
3. Encik Mohd Tajuddin Che Din - Urusetia, Jab. Mufti Perak
4. Encik Azizi bin Ismail - Urusetia, Jab. Mufti Perak

Mesyuarat dimulakan dengan Ucapan aluan Pengerusi Mesyuarat dan seterusnya pengesahan minit mesyuarat yang lalu. Mesyuarat diteruskan dengan mengikut minit mesyuarat (Rujuk minit mesyuarat yang dilampirkan)

2. Merujuk Per. 6 Hal-Hal Lain dan 6.1

**Ahli-ahli Jawatankuasa bersepakat mencadangkan agar satu jalinan kerjasama antara AJK Falak Negeri Perak dan Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Perak untuk mengadakan kursus falak sama ada di INSTUN dan Seminar mengenai Kemukjizatan Al-Quran dalam Ilmu Sains.**

Pengerusi Jawatankuasa Falak Negeri Perak yang juga merupakan Timbalan Mufti Perak menyuarakan hasrat untuk mengadakan Memorandum Persefahaman bersama antara Jabatan Mufti Perak dan Institut Tanah dan Ukur Negara, hubungan kerjasama yang diutarakan adalah melingkupi bidang Falak Syarie antaranya berkaitan Kursus dan Kepakaran.



*Gambar : Timbalan Mufti Perak, Haji Zamri bin Hashim selaku Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Perak Bil 1/2017*

Adalah dicadangkan memorandum persefahaman itu diadakan bersekali dengan Seminar yang bersekala kecil dan antara pembentang kertas kerja yang dicadangkan adalah Dr Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir yang akan membentangkan tajuk **Kemukjizatan Al-Quran dalam Ilmu Sains**. Adalah difahamkan dan dicadangkan Yang Berbahagia Sahibus Samaha Datuk Sri Mufti Perak akan turut serta menyaksikan acara tanda tangan memorandum berkenaan.

Di sini adalah dicadangkan INSTUN mengambil peluang ini, ianya adalah disebabkan Jabatan Mufti Perak adalah Jabatan dalam Negeri Perak yang berhubung terus dengan Ke bawah Duli Tuanku Sultan Perak.

Untuk itu adalah dicadangkan tarikh 29 Mach 2017 (01 Rejab 1438H) dilangsungkan program berkenaan di mana bersamaan dengan Kursus UG05/17 Kursus Falak Syarie yang akan berlangsung di INSTUN.

3. Ustaz Mohamad Faizal Jani menyatakan Seorang Pakar dalam bidang Falak dari Indonesia iaitu Dr Azimuddin seorang pensyarah di Universiti Islam Agama Semarang, Indonesia telah dikenal pasti agak mahir dalam bidang Falak dan Jabatan Mufti Perak bersetuju akan mengelolakan urusan jemputan penceramah ini ke Malaysia dan adalah dicadangan satu kursus Falak Syarie dapat diadakan bagi melihat akan beberapa kaedah berkaitan pengiraan dan sebagainya. Adalah dicadangkan dengan izin untuk mengadakan kursus ini bersama dengan INSTUN, Tarikh awal adalah ditetapkan pada bulan Ogos 2017 (bulan Zulkaedah/Zulhijjah)

4. Timbalan Mufti Perak menyatakan agar satu rundingan khusus dapat diadakan dengan Pengarah INSTUN bagi menjayakan program yang dirancang dan beliau sendiri akan sedia untuk dating ke INSTUN dan berbincang berkaitan perkara ini.

5. Encik Mahruzaman Misran mengucapkan terima kasih, kerana barisan Jawatankuasa Falak Negeri Perak dan Jabatan Mufti Perak yang begitu yakin dan penuh kepercayaan kepada INSTUN dan berharap perbincangan di antara Jabatan Mufti dan INSTUN agar dapat diadakan dengan secepat mungkin.

6. Seterusnya Ustaz Mohamad Faizal Jani membentangkan perancangan Bahagian Falak, Jabatan Mufti Perak (lihat lampiran).

7. Pembentangan seterusnya berkaitan Tarikh 1 Muharam 1439 Hijrah di mana JAKIM telah mengambil ketetapan bahawa terdapat kesilapan dalam penentuan 1 Muharam iaitu :

29 Zulhijjah 1438 Hijrah adalah pada 20 September 2017 (Rabu) dan

01 Muharam 1439 Hijrah adalah pada 21 September 2017 (Khamis)

Dengan ketetapan adalah seperti berikut :

29 Zulhijjah 1438 Hijrah adalah pada 20 September 2017 (Rabu)

30 Zulhijjah 1438 Hijrah adalah pada 21 September 2017 (Khamis) dan

**01 Muharam 1439 Hijrah adalah pada 22 September 2017 (Jumaat)**

**8. Mesyuarat ditangguhkan jam 5:30 petang dan mesyuarat mengambil ketetapan Mesyuarat berikutnya akan dilaksanakan di Institut Tanah dan Ukur Negara (sebagai tuan rumah)**

Disediakan Oleh;

Mahruzaman Misran

Penyelaras Kanan Geodetik

Tarikh : 02 Februari 2017 (05 JamadilAwal 1438H)

**MINIT MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA FALAK  
NEGERI PERAK BIL. 1/2016**

TARIKH : 24 Mei 2016 / 17 Syaaban 1437 (Selasa)  
MASA : 9.30 Pagi  
TEMPAT : Dewan Persidangan,  
Tingkat 5, Kompleks Islam Perak Darul Ridzuan

**KEHADIRAN:**

1. Tuan Hj. Zamri b. Hashim - Pengerusi  
Timbalan Mufti Negeri Perak  
Jabatan Mufti Negeri Perak
2. Dr. Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir  
Pensyarah  
Kolej Komuniti Gerik
3. Sr Muhammad salim bin Mohammed Asari  
Timbalan Pengarah Ukur 1  
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia Negeri Perak,
4. En. Mahruzaman bin Misran  
Penyelaras Program Kanan  
Unit Geodesi Fizikal, INSTUN
5. En. Mohamad Faizal b. Jani - Setiausaha  
Pegawai Hal Ehwal Islam (Falak)  
Jabatan Mufti Negeri Perak

**TURUT HADIR:**

1. Dr. Ummu salamah bt. Mohamad Hussin  
AJK Pembinaan Perisian Falak (KUISAS)
2. Tuan Hj. Md. Zahar  
AJK Pembinaan Perisian Falak (UPSI)
3. Pn. Saira Banu bt. Omar Khan  
AJK Pembinaan Perisian Falak (UPSI)
4. En. Nor Izwan bin Hamdan (Urus Setia, Jabatan Mufti Negeri Perak)
5. Puan Fatimah bt Ayoub (Urus Setia, Jabatan Mufti Negeri Perak)
6. En. Mohd Tajuddin bin Che Din (Urus Setia, Jabatan Mufti Negeri Perak)
7. En. Azizi bin Ismail (Urus Setia, Jabatan Mufti Negeri Perak)

**1. UCAPAN Pengerusi:**

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan bacaan al-Fatihah. Pengerusi mengucapkan tahniah atas perlantikan sebagai AJK Falak Negeri Perak dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir.
- 1.2 Pengerusi menyatakan juga bahawa perlantikan AJK Falak adalah dalam tempoh 2 tahun.
- 1.3 Pengerusi juga memaklumkan bahawa Jabatan Mufti telah mendapat peruntukan untuk pembinaan Balai Cerap Negeri Perak.

**Tindakan: Makluman**

**2. SESI PENGENALAN:**

- 2.1 Pengerusi memohon agar AJK dapat memperkenalkan diri.
- 2.2 Setiausaha telah membentangkan objektif dan bidang tugas sebagai AJK Falak Negeri Perak kepada ahli mesyuarat.

**Tindakan: Makluman**

**3. PEMBENTANGAN ANALISIS DATA HILAL AWAL RAMADAN, SYAWAL DAN ZULHIJJAH BAGI TAHUN 1437H/ 2016M**

- 3.1 Setiausaha telah membentangkan analisis data hilal bagi bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah bagi tahun 1437H/2016M (Telah dibentang di JAKIM).
- 3.2 Y.Bhg. Dr. Fahmi meminta supaya penjelasan mengenai kekeliruan mengenai penetapan hari Arafah dapat disampaikan pada masyarakat.

**Tindakan: Urus Setia, Jab. Mufti**

**4. PEMBENTANGAN LAPORAN CERAPAN GERHANA MATAHARI PENUH DI PALEMBANG.**

- 4.1 Setiausaha telah membentangkan Laporan Kajian Cerapan Gerhana Matahari di Palembang. Laporan tersebut telah dihantar kepada Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Kewangan Negeri. Laporan lain akan diterbitkan untuk masyarakat awam.

**Tindakan: Urus Setia, Jabatan Mufti.**

**5. PEMBENTANGAN HASIL PERISIAN FALAK:**

- 5.1 Pembentangan perisian falak mengenai hisab waktu solat berdasarkan zon di Negeri Perak telah dibentangkan oleh Y. Bhg. Dr Ummu Salamah bt. Mohamad Hussin (USAS).

**Tindakan: Uni. Sultan Azlan Shah dan Urus Setia, Jabatan Mufti**

**6. HAL-HAL LAIN:**

- 6.1 Ahli-ahli Jawatankuasa bersepakat mencadangkan agar satu jalinan kerjasama antara AJK Falak Negeri Perak dan Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Perak untuk mengadakan kursus falak sama ada di INSTUN dan seminar mengenai Kemukjizatan al-Quran dalam Ilmu Sains.

**Tindakan: Urus Setia, Jabatan Mufti dan AJK Falak.**


**7. PENUTUP:**

- 7.1 Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih atas kesudian semua ahli mesyuarat hadir pada mesyuarat kali pertama ini.
- 7.2 Mesyuarat diakhiri dengan ucapan tasbih *Kaffarah* dan surah *Al-Asr* dan mesyuarat tamat pada 12.30 tengahari.

Disediakan Oleh:

  
(Mohamad Faizal bin Jani)  
Setiausaha  
Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Perak.

Disahkan Oleh:

  
(Hj. Zamri Bin Hashim)  
Pengerusi  
Ahli Jawatankuasa Falak Negeri  
Perak.

Tarikh:

PERANCANGAN BAHAGIAN FALAK 2017

Bil.	Program	Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
	Program Jabatan			5-7										
	Meeting :													
	i. Kelab Falak Sekolah		12											
	ii. Persatuan Falak Syarie.			16										
	iii. Balai Cerap		17		8		15		12		13		14	
	iv. AJK Falak		17			4				15				
	v. Rukyah Hilal						2							
	vi. Perisian / Inovasi Falak			22										
	vii. Mesyuarat Bahagian Falak		27	28	30	28	5	2	21	25	15	13	3	1
	Cerapan :													
	i. Bulanan		28/1	27/2	28/3	27/4	26/5	24/6	24/7	22/8	20/9	20/10	19/11	19/12
1	ii. Bintang di Sekolah/ Kolej/Univ.					✓			✓					
	iii. Masjid :				✓				16/7 Istihwa			✓		
	Bengkel :													
	i. Guru Agama (U. Hanafiah) (Sabil al-Muhtadin)				15-16					2-3				
	ii. Sekolah. (Waktu Solat, Cerapan Bintang, Jam Matahari.)					✓								
2	iii. PAD (Waktu Solat, Rubur' & Kiblat)				22									
	iv. Ayat Kauniyah – Fasi : Dr. Fahmi & Dr. Halim			22		4-5		7-8		15-16		4-5		
	v. TOT :						11-12							
	Cetakan :													
3	i. Taqwim													
	ii. Natijatul Daimah.			Cetak										
	iii. Gerhana			Cetak										
	iv. Waktu Solat			Cetak										
4	Seminar Peringkat Negeri					19								
5	Pameran Peralatan Falak					19								
6.	Naik taraf Baitul Hilal		✓											
7.	Pembinaan Balai Cerap		✓											
	Penyelidikan :													
8.	i. Waktu Solat.								19-20				15-16	
	ii. Gerhana Penumbra.			11 Feb						8 Ogos				

15-16-16  
15-16-16